

BAB 3 FORMULA DAN PERSAMAAN KIMIA

3.1 KONSEP MOL

[A] Bilangan Mol dan bilangan zarah

1) 1 mol bahan mengandungi 6.02×10^{23} zarah (atom / molekul / ion)

$$1 \text{ mol} = 6.02 \times 10^{23} \text{ zarah (atom / molekul / ion)}$$

2) 6.02×10^{23} disebut sebagai pemalar Avogadro.

Contoh:

1) Berapa banyak atom yang terdapat dalam 1 mol atom sodium?

2) Berapa banyak ion yang terdapat dalam 0.5 mol ion kalsium, Ca^{2+} ?

3) Hitung bilangan molekul dalam 1.2 mol karbon dioksida, CO_2 .

4) Cari bilangan mol atom dalam 3.01×10^{23} aluminium atom.

5) Berapakah mol gas oksigen, O_2 yang mengandungi 1.505×10^{23} molekul gas oksigen?

[B] Bilangan Mol dan jisim bahan

[B.1] Jisim atom relatif dan Jisim molekul relatif

1) Karbon-12 dipilih sebagai atom piawai

2)

$$\text{Jisim atom relatif} = \frac{\text{jisim purata satu atom unsur itu}}{1/12 \times \text{jisim satu atom karbon-12}}$$

$$\text{Jisim molekul relatif} = \frac{\text{jisim purata satu molekul bahan itu}}{1/12 \times \text{jisim satu atom karbon-12}}$$

3) **Jisim formula relatif** digunakan untuk sebatian ion.

Contoh:

1) Kira jisim molekul relatif bagi bahan berikut

(Jisim atom relatif: F = 19; O = 16; C = 12; H = 1; N = 14)

a) F_2	b) O_3
c) CO_2	d) H_2O
e) $\text{C}_2\text{H}_5\text{OH}$	f) NH_3

2) Kira jisim formula relatif bagi bahan berikut:

(Jisim atom relatif: Na = 23; N = 14; O = 16; H = 1; S = 32; Mg = 24; Ca = 40; C = 12; Pb = 207; Cu = 64)

a) CaCO_3	b) PbSO_4
c) $\text{Mg}(\text{NO}_3)_2$	d) Na_2CO_3
e) $\text{Ca}(\text{OH})_2$	f) $\text{CuSO}_4 \cdot 5\text{H}_2\text{O}$

3) Formula kimia bagi ammonium sulfat adalah $(\text{NH}_4)_2\text{SO}_4$.

Apakah jisim formula relatif bagi ammonium sulfat?
[Jisim atom relatif: H = 1; N = 14; S = 32; O = 16]

4) Jisim formula relatif bagi $X\text{NO}_2$ ialah 100.

Apakah jisim atom relatif bagi unsur X?

[Jisim atom relatif: N = 14; O = 16]

[B.2] Bilangan Mol dan jisim bahan

1. **Jisim molar** sesuatu bahan ialah jisim 1 mol bahan tersebut. (g mol^{-1})

2. Mesti menggunakan formula (unsur atau sebatian) semasa membuat kiraan

Contoh: (Jisim atom relatif: Ca=40, C=12, O=16, Fe=56, Cl=35.5, H=1)

1) Berapakah jisim 1 mol karbon dioksida, CO_2 ?

2) Hitung jisim bagi 0.5 mol CaCO_3 kalsium karbonat.

3) Hitung jisim bagi 0.1 mol atom hidrogen.

4) Berapakah mol yang terdapat di dalam 73 g HCl.

5) Berapakah mol kalsium hidroksida yang terdapat dalam 2.22 g kalsium hidroksida, $\text{Ca}(\text{OH})_2$

Bilangan Mol dan Isi padu gas


1. Isi padu molar sesuatu gas ialah isi padu yang ditempati oleh satu mol gas.
2. Satu mol gas menempati

= 22.4 dm ³	= 22400 cm ³	pada STP.
= 24 dm ³	= 24000 cm ³	pada keadaan bilik.

Contoh:

- 1) Hitung isi padu gas dalam 1 mol bromin, Br₂ pada STP.
- 2) Berapakah isi padu bagi 1.4 mol gas klorin, Cl₂ pada keadaan bilik?
- 3) Hitung bilangan mol gas oksigen dalam 8.96 dm³ gas oksigen pada STP
- 4) Berapakah mol bagi 720 cm³ oksigen, O₂ pada keadaan bilik.

Hubung kait antara bilangan mol, bilangan zarah, jisim dan isi padu gas



Contoh:

- 1) Berapakah molekul yang terdapat dalam 16 g gas sulfur dioksida, SO₂?
[Jisim atom relatif: O = 16, S = 32, Pemalar Avogadro = $6.02 \times 10^{23} \text{ mol}^{-1}$]
- 2) Hitung jisim bagi 2.4×10^{23} molekul etana (C₂H₆)?
[Jisim atom relatif: H = 1, C = 12, Pemalar Avogadro = $6.02 \times 10^{23} \text{ mol}^{-1}$]
- 3) Berapakah molekul yang terdapat dalam 150 cm³ oksigen pada keadaan bilik.
[Pemalar Avogadro = $6.02 \times 10^{23} \text{ mol}^{-1}$, Isi padu molar gas = $24 \text{ dm}^3 \text{ mol}^{-1}$ pada keadaan bilik]

3.2 Formula Kimia

[A] Formula Empirik

1. Dua jenis formula kimia:

- a) formula empirik b) formula Molekul

2. Formula empirik adalah **formula kimia** yang menunjukkan **nisbah teringkas bilangan atom** setiap jenis unsur dalam sesuatu sebatian.

Contoh:

1) oksida logam M mengandungi 60.0% logam M. Tentukan formula empiriknya.

[Jisim atom relatif: M = 48; O = 16]

2) Satu sampel aluminium oksida mengandungi 1.08 g aluminium dan 0.96 g oksigen.

Apakah formula empirik sebatian ini?


[Jisim atom relatif: Al = 27, O = 16;]

3) X g unsur M menggabungkan dengan 21.3 g klorin untuk menghasilkan sebatian yang mempunyai formula MCl_2 . Cari nilai X. [Jisim atom relatif: M = 59; Cl = 35.5]

Dua kaedah untuk menentukan formula empirik:


a) Membakar Logam reaktif di dalam udara (gas oksigen)

Logam reaktif + oksigen \rightarrow oksida logam
(Untuk logam reaktif: Mg, Al, Zn yang lebih reaktif daripada hidrogen)



b) Menurunkan oksida logam dalam gas hidrogen

oksida logam + gas hidrogen \rightarrow logam + air
(untuk logam kurang reaktif: Cu, Pb, Sn)



[B] Formula Molekul

1. Formula molekul adalah formula kimia yang menunjukkan bilangan sebenar atom-atom setiap jenis unsur di dalam satu molekul sesuatu sebatian.

Contoh:

C_2H_4 = formula molekul

CH_2 = formula empirik

2. Formula molekul boleh didapati jika maklumat berikut diketahui:

- a) formula empirik b) jisim molekul relatif

Contoh:

- 1) formula empirik Y adalah CH_2O . Jisim relatif molekul adalah 180. Cari formula molekul Y.
[Jisim atom relatif: C = 12, H = 1, O = 16]

- 2) Rajah menunjukkan maklumat daripada hidrokarbon X.

Kandungan:

Karbon: 82,76%

Hidrogen: 17,24%

Jisim molekul relatif = 58


Berdasarkan maklumat diatas, tentukan:

- a) formula empirik hidrokarbon X.

[Jisim atom relatif: H = 1; C = 12]

- b) formula molekul hidrokarbon X.

- 3) Rajah menunjukkan formula struktur alkana.



- a) Tentukan formula molekul bagi sebatian ini.

- b) Tentukan formula empirik bagi sebatian ini.

- c) Kira jisim molekul relatif bagi sebatian ini.

[Jisim atom relatif: H = 1; C = 12]

[C] Formula Kimia

1. Sebatian ion terdiri daripada ion positif (kation) dan ion negatif(anion)
2. Kation datang pertama, diikuti dengan nama anion.
- 3.

Kation	formula
Ion hidrogen	H^+
Ion litium	Li^+
Ion kalium	K^+
Ion natrium	Na^+
Ion kuprum(I)	Cu^+
Ion argentum	Ag^+
Ion ammonium	NH_4^+
Ion magnesium	Mg^{2+}
Ion kalsium	Ca^{2+}
Ion zink	Zn^{2+}
Ion kuprum(II)	Cu^{2+}
Ion plumbum(II)	Pb^{2+}
Ion ferum(II)	Fe^{2+}
Ion ferum(III)	Fe^{3+}
Ion aluminium	Al^{3+}

Anion	formula
Ion klorida	Cl^-
Ion bromide	Br^-
Ion iodida	I^-
Ion hidroksida	OH^-
Ion nitrat	NO_3^-
Ion oksida	O^{2-}
Ion sulfat	SO_4^{2-}
Ion karbonat	CO_3^{2-}
Ion fosfat	PO_4^{3-}

Nama	Formula kimia	Nama	Formula kimia
Gas oksigen	O_2	Asid hidroklorik	HCl
Gas nitrogen	N_2	Asid sulfurik	H_2SO_4
Gas Hidrogen	H_2	Asid nitrik	HNO_3
Karbon dioksida	CO_2	Larutan ammonia	NH_3

Contoh:

- 1) Tuliskan formula kimia:

a) natrium klorida

e) Magnesium oksida

b) Magnesium klorida

f) Zink nitrat

c) Kuprum(I) oksida

g) Ferum(III) hidroksida


d) Natrium sulfat

h) Aluminium oksida

3.3 Persamaan Kimia

[A] Persamaan Kimia

- 1) Persamaan Kimia adalah perwakilan tindak balas kimia dalam perkataan atau menggunakan formula kimia
- 2) persamaan kimia menunjukkan:
 - a) bahan tindak balas
 - b) hasil tindak balas
 - c) keadaan fizikal bahan kimia yang digunakan. [pepejal (p), cecair (c), gas (g), Larutan akueus (ak)]
 - d) bilangan mol bahan dan hasil tindak balas yang terlibat.



Bahan tindak balas: hidrogen peroksida, H_2O_2

Hasil tindak balas: oksigen dan air

2 mol hidrogen peroksida menghasilkan 1 mol gas oksigen dan 2 mol air.

3. Persamaan kimia mesti seimbang

Contoh

- 1) Mengimbangkan persamaan yang diberikan di bawah:

- a) $\text{Na} + \text{Cl}_2 \rightarrow \text{NaCl}$
- b) $\text{K} + \text{O}_2 \rightarrow \text{K}_2\text{O}$
- c) $\text{Li} + \text{H}_2\text{O} \rightarrow \text{LiOH} + \text{H}_2$
- d) $\text{Cl}_2 + \text{NaOH} \rightarrow \text{NaCl} + \text{NaOCl} + \text{H}_2\text{O}$
- e) $\text{Br}_2 + \text{Fe} \rightarrow \text{FeBr}_3$
- f) $\text{Mg} + \text{O}_2 \rightarrow \text{MgO}$
- g) $\text{Zn} + \text{HCl} \rightarrow \text{ZnCl}_2 + \text{H}_2$
- h) $\text{Zn} + \text{Pb}(\text{NO}_3)_2 \rightarrow \text{Zn}(\text{NO}_3)_2 + \text{Pb}$
- i) $\text{NaOH} + \text{H}_2\text{SO}_4 \rightarrow \text{Na}_2\text{SO}_4 + \text{H}_2\text{O}$
- j) $\text{H}_2\text{O}_2 \rightarrow \text{O}_2 + \text{H}_2\text{O}$

- 2) Maklumat menunjukkan tindak balas kimia bagi logam kalium.

Apabila sekeping kalium diletakkan di dalam air, ia boleh terbakar dengan nyalaan ungu dan menghasilkan bunyi 'pop' untuk menghasilkan gas hidrogen dan larutan kalium hidroksida.

- a) Nyatakan bahan tindak balas dan hasil tindak balas.

- b) Tuliskan formula kalium hidroksida.

- c) Tuliskan persamaan kimia bagi tindak balas yang berlaku.

- d) Jelaskan persamaan kimia dalam c).

[B] Masalah yang melibatkan persamaan kimia

1. Pekali dalam persamaan seimbang memberitahu kita nisbah mol bahan tindak balas dan hasil tindak balas.



Contoh:

1) Berapa gram Ag_2O yang digunakan untuk menghasilkan 50.0 g logam Argentum?

[Jisim atom relatif: Ag, 108; O, 16; H, 1]




2) Berapakah isi padu gas (pada STP) Cl_2 akan bertindak balas jika 5.50g PCl_5 dihasilkan?

[Jisim atom relatif: P, 31; Cl, 35.5; Isi padu molar: $22.4 \text{ dm}^3 \text{ mol}^{-1}$ pada STP]



3) Persamaan kimia berikut menunjukkan tindak balas antara besi dan bromin



1.12 g besi terbakar sepenuhnya dalam bromin. Apakah jisim hasil tindak balas?

[Jisim atom relatif: Br = 80, Fe = 56]

4) Aluminium boleh diekstrak daripada aluminium oksida mengikut persamaan kimia di bawah:




Berapakah jisim maksimum aluminium yang boleh diekstrak daripada 102 g aluminium oksida?

[Jisim atom relatif: O = 16; Al = 27]

- A 13.5 g
B 27.0 g

- C 54.0 g
D 108.0 g

5) Pemanasan XCO_3 mengikut persamaan di bawah:



Berapakah mol XCO_3 yang diperlukan untuk menghasilkan 4.0 g oksida X?

[Jisim atom relatif: C = 12; O = 16; X = 64]

- A 0.03
B 0.05
- C 0.08
D 0.09

